

**Thai eksport bekalan makanan mencukupi
Utusan Online
October 14, 2011**

KUALA LUMPUR 13 Okt. – Kerajaan Thailand telah memberikan jaminannya bahawa eksport bekalan makanannya adalah mencukupi untuk keperluan Malaysia dan negara-negara lain meskipun wilayah ekonomi negara itu dilanda banjir besar pada masa ini.

Menteri di Kedutaan Thailand ke Malaysia, Songsak Saicheua berkata, banjir itu dijangka berlaku dalam jangka masa yang singkat dan tidak akan berpanjangan.

Katanya, fenomena banjir besar hanya berlaku di wilayah utara dan tengah Thailand yang tidak terlalu menjejaskan bekalan makanan berikutan masih terdapat sektor perladangan, pertanian dan bekalan makanan di Selatan Thailand.

“Negara kami telah mendapat bantuan pantas dari empat buah negara bagi menangani masalah banjir besar iaitu dari China, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan New Zealand.

“Kami juga mengalu-alukan bantuan dari negara-negara lain bagi membantu pemulihan ekonomi di negara ini, katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran awal Persidangan Perniagaan Pertanian Bernilai Tinggi dan Ekspo Dagangan 2011 Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA) dan Pertumbuhan Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) di sini hari ini.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yaakop (gambar).

Tambah Saicheua, bantuan yang diberikan oleh negara-negara sekitar telah sampai ke kawasan yang terjejas dengan banjir dan ia mempercepatkan proses pemulihan ekonomi Thailand.

Sementara itu, Nor Mohamed berkata, Persidangan dan ekspo BIMP-EAGA dan IMT-GT akan dijalankan di Melaka selama empat hari bermula 1 Disember nanti.

Katanya, matlamat persidangan dan ekspo tersebut adalah untuk mempromosi aktiviti pelaburan yang ditunjangi oleh sektor swasta yang disediakan kemudahannya oleh sektor awam.

“Penyertaan sektor swasta amat penting dalam pembaharuan sektor pertanian ke arah pengkhususan pertanian bernilai tinggi melalui pelaburan langsung asing (FDI),” katanya.

Nor Mohamed memberitahu, FDI dapat mempromosi pertumbuhan pertanian bernilai tinggi dalam banyak cara dengan menghubungkan para petani di dalam negara-negara membangun melalui pasaran eksport bernilai tinggi.

Mengenai pertumbuhan dagangan keseluruhan dalam negara ASEAN, Nor Mohamed memberitahu, pada tahun lalu, dagangan intra ASEAN meningkat sebanyak 26.3 peratus berbanding 2009 dengan nilai dagangan sebanyak AS\$475.27 bilion (RM1.52 trilion).

“Kami mahu setiap negara di dalam ASEAN memainkan peranan sama penting dalam mempromosi dagangan dan pembangunan sektor pertanian bernilai tinggi,” ujarnya. mempromosi dagangan dan pembangunan sektor pertanian bernilai tinggi,” ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1014&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm